

KENYATAAN MEDIA**12 OGOS 2025**

SIWANIS 2025 PACU AGENDA 50% PERWAKILAN WANITA, ANGKAT ISU PEMBERDAYAAN EKONOMI SURI RUMAH

12 Ogos 2025 | Dewan Negeri Selangor

Shah Alam, 12 Ogos 2025 – Sidang Wanita Selangor (SIWANIS) 2025 melabuhkan tirainya hari ini di Dewan Negeri Selangor dengan menyaksikan perbahasan dua usul penting yang memberi tumpuan kepada agenda kesaksamaan gender dalam politik serta pengiktirafan potensi ekonomi golongan suri rumah.

Program anjuran **Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita dan Keluarga Negeri Selangor melalui Wanita Berdaya Selangor (WBS)** dengan kerjasama **Pejabat Speaker Negeri Selangor** ini menghimpunkan 56 perwakilan wanita dari seluruh Negeri Selangor serta wakil jemputan luar negeri, menjadikan SIWANIS 2025 sebagai platform kepimpinan wanita yang bersifat inklusif dan berimpak tinggi.

Menggunakan format simulasi Sidang Dewan Negeri, SIWANIS bertujuan mencungkil bakat kepimpinan wanita, memperkukuh pengetahuan dasar, dan melatih mereka sebagai bakal pemimpin di peringkat negeri dan negara. Tahun ini, dua usul telah dibentang dan dibahaskan:

- 1. Memperkasa Perwakilan Wanita melalui Pelaksanaan 'Top-Up Women Only Additional Seats' (TWOAS)** – Satu mekanisme strategik untuk mencapai sekurang-kurangnya 30% perwakilan wanita dalam Dewan Negeri dan Parlimen, dengan mencontohi pendekatan progresif yang telah dilaksanakan di Pulau Pinang.
- 2. Mengiktiraf dan Memanfaatkan Potensi Suri Rumah sebagai Pemacu Perdagangan Mikro dan Pelaburan Sosial Negeri** – Cadangan mewujudkan ekosistem sokongan inklusif, termasuk Zon Ekonomi Digital Domestik, Lesen Mikro Servis Komuniti, skim pelaburan sosial, dan perlindungan sosial bagi suri rumah yang terlibat dalam aktiviti ekonomi mikro.

YB Puan Anfaal binti Saari, EXCO Pembangunan Wanita & Kebajikan Masyarakat, dalam ucapan peramian penutup beliau menggariskan komitmen Kerajaan Negeri Selangor untuk terus memperkukuh platform kepimpinan wanita sejajar dengan Dasar Wanita Selangor dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG 5 & 10).

Ketua Pegawai Eksekutif WBS, **Puan Siti Faridah binti Abdul Samad**, dalam ucapan penghargaan beliau, menyatakan bahawa SIWANIS telah menjadi medan latihan politik yang efektif bagi wanita, sekali gus membuka ruang penyertaan yang lebih besar dalam pembentukan dasar negeri.

Kemuncak acara turut menyaksikan penyampaian Anugerah Perwakilan Kerajaan Terbaik, Anugerah Perwakilan Pembangkang Terbaik, Anugerah Perwakilan Terbaik Keseluruhan serta sijil penyertaan kepada wakil kerajaan dan pembangkang. Setiap pemenang menerima trofi, sijil kemenangan, dan wang tunai berjumlah RM500.

SIWANIS 2025 bukan sekadar program latihan, tetapi sebuah gerakan untuk memastikan suara wanita didengar dan diambil kira dalam setiap lapisan pentadbiran, ke arah mencapai **50% perwakilan wanita dalam pembuatan keputusan**.

Untuk maklumat lanjut atau pertanyaan media, sila layari laman rasmi Wanita Berdaya Selangor atau hubungi Cik Farah Nadirah Mohd Salahuddin di talian 019 2982771 atau emel ke farah.nadirah@wbselangor.com.my.

-Tamat-

JABATAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN & KOMUNIKASI STRATEGIK
WANITA BERDAYA SELANGOR
12 OGOS 2025